



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA

ENCIK RAHIM BIN ABU BAKAR

BEKAS RENJER GUNUNG LEDANG

MENGENAI LEGENDA PUTERI GUNUNG LEDANG

NUR ATHIRAH BINTI ROMIDI (2021149619)

NURIN FARISYA BINTI RAFEE (2021588017)

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER MAC 2022 – OGOS 2022

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK.....	i
PENGHARGAAN.....	iv
SENARAI ABREVIASI.....	vi
SENARAI SINGKATAN.....	viii
RUJUKAN KATA.....	x
1.0 BIODATA PENEMUBUAL.....	1
1.1 PENEMUBUAL PERTAMA.....	2
1.2 PENEMUBUAL KEDUA.....	3
2.0 BIODATA TOKOH.....	4
2.1 BIODATA TOKOH.....	5
2.2 PENGENALAN KEPADA TOKOH.....	6
3.0 SEJARAH LISAN.....	7
3.1 PENGENALAN.....	8
3.2 OBJEKTIF SEJARAH LISAN.....	9
3.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN.....	10
4.0 KAJIAN LITERATUR.....	11
4.1 TOPIK 1: KEARIFAN TEMPATAN.....	12
4.2 TOPIK 2: KEARIFAN TEMPATAN LEGENDA PUTERI GUNUNG LEDANG.....	13
5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH.....	15
6.0 LOG TEMUBUAL.....	100
7.0 RALAT.....	114
8.0 GLOSARI.....	116
9.0 INDEKS.....	121

**PENGALAMAN ENCIK RAHIM BIN ABU BAKAR
RENJER DI GUNUNG LEDANG, TANGKAK, JOHOR**

Nur Athirah binti Romidi (2021149619)

Nurin Farisya binti Rafec (2021588017)

**Fakulti Pengurusan Maklumat,
UITM Johor Kampus Segamat,
KM 12, Jalan Muar, 85000 Segamat, Johor**

ABSTRAK

Transkrip ini membincangkan pengalaman seorang bekas renjer yang bekerja di Gunung Ledang, Tangkak, Johor, iaitu Encik Rahim bin Abu Bakar. Wawancara ini dilakukan untuk mengetahui pengalamannya dalam bekerja sebagai renjer yang sudah bertahun lamanya. Sebelum beliau bekerja sebagai renjer, beliau merupakan Penggerak Rakan Muda untuk menggerakkan aktiviti belia di seluruh daerah Muar, Johor oleh Allahyarham Tuan Haji Hamdan Bin Kasbun yang merupakan selaku Pegawai Belia dan Sukan dan Encik Rahim telah diamanahkan untuk menjadi ketua yang bertanggungjawab untuk memimpin satu pasukan yang dinamakan Teras Ledang. Pada ketika itu, pasukan ini belum aktif dan mereka hanya membawa pendaki-pendaki yang berminat untuk mendaki Gunung Ledang dengan selamat. Setelah 6 bulan, beliau dan ahli yang lain diberi kursus selama 3 hari oleh seorang sarjan Pasukan Gerakan Am (PGA) iaitu Sarjan Kemat dimana semasa kursus itu, mereka diajar tentang cara ikhtiar hidup di hutan yang mencabar. Selepas itu, barulah pasukan ini diiktiraf di peringkat daerah dan dikenali. Beliau menceburi dalam bidang pekerjaan sebagai renjer disebabkan oleh minat beliau sendiri dalam melakukan aktiviti luar iaitu meneroka hutan, bukit, sungai, laut dan aktiviti mencabar yang lain. Pengetahuan serta pengalamannya selama bekerja sebagai renjer di Gunung Ledang dapat menjadi sumber lisan yang dapat membuktikan kesahihan tentang Kisah Legenda Puteri Gunung Ledang ini. Melalui sejarah lisan ini, diharapkan masyarakat dapat menambahkan pengetahuan mereka tentang Legenda Puteri Gunung Ledang ini dan dapat menghargai kearifan tempatan supaya tidak hilang ditelan zaman.

Kata kunci: *Encik Rahim, pengalaman, Bekas Renjer, Puteri Gunung Ledang, Gunung Ledang*

PENGHARGAAN

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak yang terlibat dalam menjayakan tugas ini hingga ke akhir. Syukur Alhamdulillah dan setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadiran ilahi kerana dengan izin kurnianya dapat saya menyempurnakan tugas kami dengan jayanya.

Dengan kesempatan yang ada ini saya amat berbesar hati untuk menghadiahkan jutaan terima kasih kepada pensyarah kami bagi Subjek Oral Documentation (IMR604), Puan Siti Noorsiah Binti Jamaludin, kerana telah meletakkan sepenuh kepercayaan beliau serta bimbingan dan tunjuk ajar kepada kami untuk melunaskan tugas yang diberikan.

Kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan buat Encik Rahim Bin Abu Bakar yang sudi menerima pelawaan kami untuk menjadi responden bagi tugas yang diberikan. Tanpa bantuan daripada beliau kami tidak dapat melaksanakan tugas ini.

Selain itu, kami turut berterima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan, ibubapa dan keluarga kerana telah banyak menghulurkan bantuan dan semangat bagi merealisasikan usaha kami untuk menyempurnakan tugas ini dengan jayanya.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan tugas ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Segala bantuan yang telah mereka hulurkan amatlah kami hargai kerana tanpa bantuan dan sokongan mereka semua tugas ini mungkin tidak dapat dilaksanakan dengan baik.

Sekian, terima kasih.

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN ABREVIASI	MAKSUD
PGA	Pasukan Gerakan Am
KBS	Kementerian Belia dan Sukan
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan
PGL	Puteri Gunung Ledang